



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Azman Hashim
International Business School

**EXTRA-CURRICULAR EXPERIENTIAL LEARNING
(ExCEL)**

UKQE 3001 - 04

ASSIGNMENT 1: REFLECTION REPORT 2

AKTIVITI 2 : CHEER UP THE ZOO @ ZOO JOHOR

DISEDIAKAN OLEH :

NAMA : MUHAMMAD ALIFF DANIAL BIN SHARIDAN

NO. MATRIK : B19BS0011

KURSUS : MANAGEMENT OF TECHNOLOGY (3 SBSD)

FAKULTI : AZMAN HASHIM INTERNATIONAL BUSINESS SCHOOL

DISEMAK OLEH :

DR. SYAHARIZATUL NOORIZWAN MUKTAR

Program : Cheer Up The Zoo (Visible The Invisible)

Tarikh : 19 November 2019

Tempat : Zoo Johor

1. REPORTING

Pada 19 November 2019, saya telah menyertai sebuah program khidmat masyarakat yang bertajuk "*Cheer Up The Zoo*" yang telah bertempat di Zoo Johor yang terletak di Jalan Gertak Merah, Taman Istana, 80000 Johor Bahru, Johor. Program ini merupakan sebuah aktiviti tugasan berkumpulan yang dianjurkan di bawah kursus Atribut Kejayaan Graduan (UHMT 1012) yang dibimbing oleh Dr. Corriena Binti Abdul Talib.

Program *Cheer Up The Zoo* ini adalah buah fikiran saya dan ahli-ahli kumpulan yang lain seramai 10 orang untuk bersepakat memilih zoo sebagai pilihan utama kami dalam menjalankan program yang berunsurkan sumbangan khidmat masyarakat. Program ini dijalankan di bawah tema *Visible The Invisible* iaitu bagi memberi pendedahan kepada saya dan rakan-rakan yang lain tentang kepentingan menyalurkan tenaga membantu komuniti setempat di samping didedahkan dengan hal-hal dan isu semasa yang sedang dihadapi oleh masyarakat.

Program *Cheer Up The Zoo* telah diwakili oleh saya dan 10 orang rakan sekelas saya yang lain. Pada hari program tersebut, kami bergerak seawal jam 7.30 pagi ke Zoo Johor dan aktiviti kami berlangsung sehingga jam 1 tengah hari. Sebaik tibanya di sana, kami disambut dengan sangat baik dan mesra oleh Puan Nazatul Nisa yang merupakan orang kuat yang menyandang jawatan pengurus di Zoo Johor.

Puan Nazatul memberikan sedikit kata-kata ucapan dan bebesar hati untuk menerima kedatangan kami. Kami juga telah dikenalkan dengan staf-staf yang terlibat dan mereka kemudiannya memberi sedikit taklimat ringkas tentang tentatif dan perjalanan program sepanjang hari itu. Pada peringkat awal, saya telah membahagikan kami kepada tiga buah kumpulan untuk memudahkan kerja menjadi lebih lancar dan sistematik.

Setiap kumpulan akan berpecah mengikut staf yang bertugas menjaga kumpulan binatang yang ada. Kumpulan pertama ditugaskan untuk pergi ke bahagian “barat” di zoo tersebut untuk membersihkan dua buah kandang singa. Seterusnya, kumpulan kedua bergerak ke kawasan jagaan tapir dan gajah. Manakala, saya dan dua orang rakan yang lain dari kumpulan tiga, telah bergerak ke kawasan sebelah “timur” untuk ditugaskan membersihkan kandang seladang, badak air dan rusa.

Antara aktiviti utama saya dan kumpulan saya kendalikan adalah membersihkan kandang rusa dan seladang, memberi makan kepada badak air serta memandikan mereka. Objektif utama yang saya dapati dari program yang kami kendalikan ini adalah untuk memberi kesedaran nilai sivik kepada kami golongan mahasiswa untuk mempraktikkan nilai murni dan tanggungjawab kepada makhluk lain. Juga, khidmat masyarakat ini berperanan menghargai ciptaan Tuhan, flora dan fauna sebagai sebahagian aset penting kepada negara selain memelihara serta menjaga kebajikan alam sekitar dan menyayangi haiwan.

2. RESPONDING

Menyertai program khidmat masyarakat seperti *Cheer Up The Zoo* ini pada saya amatlah berbaloi. Secara peribadi ianya merupakan satu pengalaman yang amat berharga dan memberi impak kepada saya kerana telah menerapkan pelbagai nilai dan kebaikan kepada diri saya melalui aktiviti yang telah dijalankan.

Tambahan lagi, program ini mempunyai “*sentimental value*” kepada diri saya kerana ini adalah merupakan program servis komuniti pertama yang saya terlibat secara langsung untuk menyumbang kepada haiwan. Sebagai seorang pencinta dan peminat kepada haiwan dan binatang-binatang liar, saya sangat teruja dan bersemangat ketika kumpulan saya bercadang untuk membuat aktiviti ini di Zoo Johor.

Saya dan dua orang lagi rakan dari kumpulan saya iaitu Wan Maisarah dan Liyana, telah ditugaskan untuk menguruskan kandang seladang, badak air dan rusa. Kami dibantu oleh Abang Faizal yang bertanggungjawab menjaga haiwan-haiwan ini. Saya terlebih dahulu berpeluang untuk masuk ke kandang seladang. Disebabkan hanya saya sahaja lelaki dari kumpulan saya, saya berpeluang untuk panjat masuk ke kandang seladang yang diberi nama ‘Adik’. Itu merupakan antara pengalaman menarik dapat lihat seekor seladang Sumatera dalam jarak yang sangat dekat. Saya berasa amat seronok dan pada masa yang sama agak gementar kerana saya percaya tidak ramai yang dapat merasai peluang sebegini.

Seterusnya, saya terus melakukan kerja-kerja pembuangan najis seladang di dalam kandang dibantu ahli kumpulan saya. Bagi saya tugas ini agak mencabar kerana najis haiwan ini berada dalam kuantiti yang sangat banyak dan berat. Saya dan Abang Faizal bersama-sama mengalihkan semua najis ke satu tempat menggunakan penyodok pasir sebelum dipindahkan ke dalam kereta sorong untuk dibawa ke tempat pelupusan.

Selepas itu, saya merasai pengalaman memandikan seladang dari dalam kandang. Namun aktiviti ini hanya dapat saya buat dari jarak jauh dengan menembak air menggunakan hos pada seladang tersebut. Menurut Abang Faizal, emosi Adik sedang dalam keadaan tidak menentu dan berkemungkinan besar dia sedang mengalami depresi. Saya agak terkejut dengan informasi yang diceritakan oleh Abang Faizal ketika itu. Sejajurnya, saya baru tahu haiwan juga boleh mengalami penukaran mood yang tidak stabil sehingga tahap yang kronik iaitu depresi atau kemurungan. Disebabkan itulah, saya hanya boleh memandikan Adik dari jarak jauh sahaja kerana takut dia terkejut dan agresif secara tiba-tiba.

Satu perkara yang agak terkesan pada saya ketika itu adalah apabila, Abang Faizal memberitahu seladang merupakan salah satu spesies keluarga lembu liar yang sedang diancam kepupusan di Malaysia. Saya difahamkan hanya tinggal 150-200 ekor seladang sahaja yang ada di negara kita. Adik merupakan salah satu daripanya dan merupakan satu-satunya seladang di Zoo Johor.

Ketika itu saya berasakan bahawa ianya adalah tanggungjawab kita bersama, kerana hanya kita sahajalah yang dapat memelihara spesies seperti ini dari terus pupus. Kami bergerak ke kawasan kandang rusa selepas itu untuk membersihkan kawasan persekitaran. Pada mulanya saya agak takut untuk mendekati rusa-rusa ini namun saya baru tahu rusa merupakan spesies yang agak jinak dan '*friendly*'.

Saya kemudiannya memberi makan kepada seekor badak air. Di situ, saya diarahkan untuk beri beberapa jenis sayur-sayuran seperti sawi dan kangkung dalam kuantiti yang agak banyak. Saya belajar dimana badak air perlu ada jadual pemakanan dimana dua bakul sayur kangkung, bayam dan sawi perlu diberikan pada waktu pagi dan kemudian kobis pada waktu petang. Badak air perlu diberi makan dua kali sehari dengan kuantiti yang banyak kerana saiz badan yang besar dan bagi memastikan kesihatan badak air tersebut terjaga.

Masa yang saya luangkan bersama haiwan-haiwan tersebut dalam pada yang sama menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penjagaan haiwan ini, merupakan satu pengalaman baru yang memberi kesan positif dan mendalam kepada saya. Secara tidak langsung, melalui program khidmat masyarakat ini menambah ilmu pengetahuan saya dan mengetahui dengan lebih luas tentang makhluk ciptaan Allah.

3. RELATING

Sebagai seorang mahasiswa sudah tentu saya tidak mahu melepaskan peluang untuk saya menimba pengalaman baru dari program seperti ini bersama dengan rakan-rakan saya. Walaupun aktiviti komuniti ini dijalankan atas tujuan melengkapkan tugas kursus subjek Atribut Kejayaan Graduan, namun saya tetap merasakan ianya adalah sangat bernilai kerana memberi saya pelbagai ilmu bermanfaat.

Pelbagai pengalaman yang saya peroleh apabila menjalankan program *Cheer Up the Zoo* di bawah tema *Visible The Invisible* ini. Selari dengan tema bagi tugas yang diberikan ini, ianya telah berjaya membuka mata saya tentang apa yang berlaku dengan komuniti setempat yang mungkin kita tidak pernah sedar seperti perihal spesies haiwan yang mungkin dianggap remeh sebelum ini.

Secara peribadi, saya merasakan objektif bagi tugas khidmat masyarakat ini berjaya dicapai apabila saya berasa terkesan dengan isu yang dirasakan amatlah kecil dan jarang dipandang serius dalam komuniti kita. Menerusi aktiviti yang dijalankan, saya belajar untuk mendalami dan memahami sifat haiwan yang saya tidak pernah terfikir sebelum ini.

Selain itu, saya dapat mengetahui kaedah tentang cara mengendalikan haiwan dengan prosedur yang betul. Saya juga berpeluang melihat dan membantu rakan-rakan dari kumpulan yang lain menguruskan haiwan liar yang lain seperti singa, gajah dan tapir. Saya difahamkan setiap haiwan mempunyai garis panduan dan kaedah penjagaan yang berbeza-beza. Satu fakta menarik yang saya dapat dari program ini ialah seorang penjaga di situ bertanggungjawab melaungkan azan di dalam zoo tersebut sebelum ianya dibuka setiap hari kepada pengunjung.

Dalam pada itu juga, saya mempelajari tentang kerja-kerja sebagai pekerja atau penjaga haiwan ini adalah sukar dan memerlukan komitmen yang tinggi. Abang Faizal juga ada memberitahu saya bahawa zoo tersebut kekurangan pekerja dan penjaga haiwan. Beliau yang sudah berkhidmat selama lima tahun di sana mengakui agak susah mendapatkan pekerja baharu kerana golongan belia tidak minat pekerjaan seperti ini.

Di samping itu, saya mempelajari cara bekerja secara berkumpulan dalam menyiapkan kertas kerja dan surat permohonan untuk menjalankan aktiviti sukarelawan di Zoo Johor. Kami mengagihkan tugas dalam menyiapkan kertas kerja bagi berhubung dengan pihak zoo dengan cara yang betul dan formal. Saya bersama rakan sekumpulan juga bekerjasama membuat '*post mortem*' dan menyediakan laporan setelah selesai aktiviti kami di sana.

Berdasarkan ilmu dan maklumat yang saya dapat sepanjang melakukan kerja sukarelawan di sana, saya dapat lebih memahami tentang hubungkait aktiviti manusia yang menjejaskan hidupan liar yang ada di negara kita. Saya kini sedar tentang kemusnahan yang sering dilakukan manusia hari ini telah menjadikan ada diantara spesies haiwan-haiwan liar di negara kita hampir mati diancam kepupusan.

4. REASONING

Secara jujur pengalaman melakukan aktiviti menyumbang kepada komuniti setempat sebegini adalah sangat istimewa buat saya. Tambahan pula, aktiviti sukarelawan yang pertama kali saya sertai ini ditemani bersama rakan-rakan sekelas saya yang rata-rata telah saya kenal dari peringkat Diploma di UTMKL dahulu.

Dari program komunitis servis *Cheer Up The Zoo* ini, ia telah banyak memberi kesan dan nilai positif kepada diri saya bersama rakan-rakan yang turut serta. Dari dapatan saya, saya sedar tentang betapa pentingnya untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan yang sering kita dengar. Ini kerana dari penglibatan diri secara langsung, saya dapat mempelajari banyak perkara baharu selain mendatangkan impak positif terhadap pandangan masyarakat sekeliling.

Saya sekarang lebih faham tentang jenis dan situasi haiwan-haiwan liar di negara kita. Juga, bagaimana setiap haiwan-haiwan ini mempunyai cara kendalian yang tersendiri dan berbeza-beza. Dari pengalaman saya di Zoo Johor, kini saya lebih peka dengan isu semasa tentang spesies haiwan yang terancam yang ada di negara kita.

Dalam pada masa yang sama, saya dapat mengaitkan dengan isu yang sedang dihadapi oleh Zoo Negara sekarang, dimana seperti yang kita tahu Zoo Negara berdepan dengan masalah kewangan untuk bertahan di waktu negara dilanda wabak pandemik Covid-19 ketika ini. Difahamkan Zoo Negara hanya dapat bertahan hanya untuk beberapa bulan lagi dan berkemungkinan akan ditutup.

Dari situasi ini, saya merasakan aktiviti sukarelawan seperti *Cheer Up The Zoo* ini adalah sangat wajar dan sangat bermakna untuk komuniti setempat. Di samping menyalurkan tanggungjawab saya kepada haiwan, saya juga dapat memupuk nilai bantu-membantu antara kami sebagai satu kumpulan. Sebagai seorang pelajar ia membantu saya untuk lebih mendekatkan diri dengan dunia luar dan kebajikan haiwan.

Saya dan rakan-rakan lain juga dapat memupuk perasaan cinta dan sayang terhadap haiwan-haiwan yang ada di sekeliling kita. Dengan menyertai aktiviti ini, kami secara tidak langsung dapat memberi kesedaran dan satu contoh kepada orang di luar sana untuk memperbanyakkan lagi aktiviti sukarelawan seperti ini demi menyelamatkan spesies haiwan-haiwan terutamanya yang diancam kepupusan.

5. RECONSTRUCTING

Secara tuntas terhadap program “*Cheer Up The Zoo*” ini, saya dapat simpulkan bahawa saya telah mempelajari pelbagai ilmu dan intipati bermanfaat yang saya rasa amat berguna buat saya dan rakan-rakan yang lain. Saya berasa amat bertuah kerana berpeluang menyertai aktiviti sukarelawan seperti ini dan dapat berkenalan dengan pengurus dan penjaga-penjaga Zoo Johor serta menimba pengetahuan baru dari mereka.

Apa yang boleh saya rumuskan, sepanjang aktiviti ini berlangsung ianya adalah sangat produktif, sihat dan tersusun menjadikan objektif utama saya dan rakan-rakan menerusi tema “*Visible The Invisible*” dapat dicapai dan memberi pengalaman baru yang membuka mata kami sebagai mahasiswa.

Pengalaman berdepan dan melihat sendiri keadaan haiwan yang mengalami depresi dan gangguan emosi memberi satu pendedahan baru kepada saya. Saya belajar dimana selain manusia, haiwan juga ada perasaan yang perlu dijaga untuk mengekalkan kesihatan fizikal dan mental mereka. Mereka juga sama seperti kita yang memerlukan ubat dan rawatan yang sempurna dan lengkap untuk terus berada dalam keadaan waras dan sihat.

Sebagai inisiatif pada masa akan datang, saya mencadangkan untuk terus memperbanyakkan lagi aktiviti di dalam persatuan di peringkat kolej mahupun universiti. Saya juga berpendapat, pihak Zoo Johor dan UTM boleh bekerjasama berkolaborasi untuk mengadakan satu aktiviti sukarelawan dalam kelompok yang lebih besar pada setiap tahun. Saya berpendapat, ini akan dapat menarik lebih ramai minat mahasiswa yang mahu terlibat dalam aktiviti komuniti servis seperti ini.

Usaha ini juga membantu kita untuk menyebarkan nilai murni dan positif kepada orang ramai untuk lebih mengenali dan menyayangi haiwan. Berkemungkinan haiwan-haiwan yang sedang diancam kepupusan ini tidak lagi kita mampu lihat dalam jangka masa 20 hingga 30 tahun akan datang untuk ditunjukkan kepada generasi seterusnya. Dengan adanya daya upaya dan kemahuan dari kita sendirilah yang dapat menyelamatkan spesies haiwan-haiwan ini dari telus ditelan zaman.

Sebagai penutup, saya amat gembira dapat melibatkan diri dengan aktiviti sukarelawan ini. Peluang dan pengalaman berharga ini akan saya gunakan sebagai refleksi kepada diri saya untuk menjadi seorang manusia, dan memainkan peranan saya sebagai mahasiswa yang lebih bertanggungjawab. Setiap aktiviti yang dijalankan telah berjaya menerapkan mesej yang berguna kepada saya secara peribadi dan orang lain agar lebih ramai boleh mempelajari sesuatu dan faham nilai cinta dan sayang kepada haiwan yang cuba disampaikan menerusi program sukarelawan ini.

LAMPIRAN



